

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KONTRAK TAHUN 2023
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

BIL.	JAWATAN	GRED	GOOGLE FORM
1.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29	https://forms.gle/2kWXQN8FKSJ6adTv9

TARAF JAWATAN : KONTRAK
TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA
TARIKH TUTUP IKLAN : 24 MAC 2023

CARA MEMOHON

Pemohon dikehendaki mengisi *Google Form* (pautan disertakan diatas) bersama borang **Permohonan Jawatan Kumpulan Pelaksana** (yang berkaitan dengan jawatan) dan sertakan dokumen-dokumen seperti Senarai Semak Temuduga yang dilampirkan.

Perhatian:-

- a. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dilayan;
- b. Hanya calon yang dipilih dalam saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga;
- c. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan, mohon hubungi Unit Sumber Manusia di job_hsaas@upm.edu.my atau 03-9769 9055/9056/9072.

JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT FA29

Kumpulan : **Pelaksana**
Gaji Pokok : **RM1,549.00**

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred FA29: RM1,855.00) atau
 - ii. Diploma dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred FA29: RM1,929.89)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Mempunyai pengalaman **satu (1) hingga (3) tahun** dalam bidang analisis keperluan sistem dan pengaturcaraan khususnya serta pengetahuan dan kemahiran teknikal yang lain-lain seperti berikut:

- a) Menganalisis dan memahami keperluan pengguna (*user requirement specification*)
- b) Merekabentuk sistem maklumat (*Information System Design*)
- c) Memahami konsep pangkalan data dalam merekabentuk pangkalan data (*Database System*).
- d) Mempunyai asas pengetahuan mengenai teknologi 'front-end' seperti Javascript, HTML5 dan CSS3.
- e) Berpengetahuan tentang pengaturcaraan PHP berorientasikan objek.
- f) Mempunyai pengetahuan penggunaan pangkalan data PostgreSQL dan Oracle.
- g) Berkebolehan mengenalpasti masalah dan memberi cadangan penyelesaian.
- h) Boleh bekerja secara individu di bawah pengawasan yang minimum.